

Keberkesanan Kursus Elektif berasaskan Perisian Microsoft PowerPoint terhadap Pembangunan Tiga  
Kemahiran Reka Bentuk Pelajar  
(*The Effectiveness of Microsoft PowerPoint-based Elective Course on the Development of Students'  
Three Design Skills*)

AMIRUL MUKMININ MOHAMAD\*

ABSTRAK

Penggunaan aplikasi Microsoft PowerPoint sebagai bahan bantu pembentangan utama dalam bidang pendidikan dan pekerjaan menjadi sebab utama kepada kepentingan penguasaan kemahiran menggunakan serta mengendalikan perisian tersebut. Oleh itu, kajian ini meneliti perbezaan dalam kemahiran reka bentuk fitur-fitur PowerPoint dalam kalangan pelajar sebelum dan selepas mengikuti kursus LMCR1552 PowerPoint Kreatif, dengan tumpuan khusus kepada peningkatan kemahiran teknikal dan kreatif. Sebanyak 110 orang pelajar prasiswazah Universiti Kebangsaan Malaysia daripada pelbagai program pengajian telah terlibat dalam kajian tinjauan ini. Semua pelajar yang terlibat dalam kajian ini telah mengikuti kursus tersebut pada semester 1 sesi 2023-2024. Instrumen soal-selidik melalui perisian *Survey Monkey* telah digunakan untuk proses pungutan data kepada setiap pelajar terlibat. Berdasarkan dapatan kajian, pelajar menunjukkan pelbagai tahap kemahiran sebelum mengikuti kursus, dengan majoriti berada pada tahap 'Agak Mahir' hingga 'Kurang Mahir', sementara peratusan yang mencapai tahap 'Sangat Mahir' adalah rendah. Catatan data pada bahagian selepas mengikuti kursus pula menunjukkan bahawa tahap kemahiran pelajar bertumpu kepada skala 'Sangat Mahir' dan 'Agak Mahir' sahaja. Dalam hal ini, minat, fokus dan latihan amali yang berterusan adalah kunci untuk pelajar terus cemerlang dalam kursus berasaskan kemahiran, agar ilmu yang diperoleh dapat digunakan dan diamalkan dalam situasi sebenar. Berdasarkan dapatan yang diperoleh, kajian secara kritikal dalam bentuk kuasi-ekperimen telah dijalankan untuk melihat perbezaan kemahiran-kemahiran dalam penggunaan perisian PowerPoint terhadap pelajar secara tuntas dan kritikal.

Kata Kunci: Slaid Persembahan; Microsoft PowerPoint; PowerPoint Kreatif; Kursus Kemahiran; Literasi Digital

ABSTRACT

*The utilization of Microsoft PowerPoint as the main presentation aid in the education and work field is the primary reason for the importance of mastering the skills of using and operating that respective software.. Therefore, this study examines the differences in PowerPoint features design skills among students before and after taking LMCR1552 Creative PowerPoint course, with a specific focus on the improvement of technical and creative skills. A total of 110 Universiti Kebangsaan Malaysia students from various programs have been involved in the survey. All students involved in this study have taken the course in semester 1 of the 2023-2024 session. The research question via Survey Monkey software has been used for the data collection for each student involved. Based on the results obtained the scale in the 'Before taking the course' section in the research questions recorded scores on each scale between Quite Proficient to Less Proficient, with a low percentage for 'Very Proficient'. The results in the 'After taking the course' section indicate that the skill level of students is concentrated in the 'Very Proficient' and 'Quite Proficient' scales. In this case, interest, focus and continuous practice are the keys for students to continue to excel in proficiency-based courses, so that the knowledge gained can be used and applied in real situations. Based on the data obtained, a critical study in the form of a quasi-experiment will be conducted to see the differences in skills in using PowerPoint software among students thoroughly and critically.*

Keywords: Presentation Slide; Microsoft PowerPoint, Creative PowerPoint, Proficiency-Based, Digital Literacy

## PENGENALAN

Menelusuri sejarah penggunaan Microsoft PowerPoint, peranan perisian ini telah bermula seawal tahun 80-an lagi selaku bahan yang membantu pelajar, pekerja dan golongan profesional dalam aspek pembentangan dan pembangunan bahan digital (Paradi, 2018) dan kewujudan salah satu aplikasi dalam program Microsoft Office ini telah memberikan sumbangan positif kepada lebih 500 juta pengguna di seluruh dunia (Milani, 2023). Fitur serta aspeknya yang pelbagai membantu aneka tugas rumit seperti merangka, menyusun dan menambah baik maklumat penting untuk memudahkan paparan dan rekod, mahupun perancangan maklumat kursus, kelas dan kaedah pengajaran dalam bidang pengajaran dan pembelajaran di institusi pengajian (León & Martinez, 2021), menjadi satu mekanisme dalam proses pelajaran yang lebih berkesan, khususnya dalam catatan dan paparan nota untuk kefahaman pelajar (Iga & Maria, 2020) serta aspek daya penarik digital, grafik, teknikal serta warna untuk mengikat fokus pelajar terhadap pelajaran (Setiawan et. al., 2022).

Pelajar memanfaatkan penggunaan aplikasi Microsoft PowerPoint secara meluas dalam pembangunan bahan bantu presentasi digital untuk penghasilan nota kuliah yang lebih kemas dan sistematik, di samping menjadi alatan untuk pembentangan tugas serta bahan bantu bagi penilaian kursus yang diikuti dalam proses pengajaran dan pembelajaran di institusi pengajian (Haq, Irzal & Rahim, 2022). Namun begitu, beberapa kesilapan umum sering dilakukan oleh pelajar ketika membina bahan melalui aplikasi Microsoft PowerPoint. Kesilapan ini merangkumi penggunaan yang kurang sesuai dan agak keterlaluan untuk grafik serta imej (Mohammed & Sullivan, 2019), tema slaid, penggunaan warna dalam slaid atau latar pada slaid yang tidak selaras (Ricketts, 2018), ketidakseragaman pada penggunaan fon teks, sama ada melibatkan kedudukan, jenis mahupun rupa (Pollard, 2016), maklumat dalam slaid yang tidak seragam seperti jumlah ayat pada slaid yang terlalu banyak atau terlalu sedikit (Tangkas et. al., 2022) serta kewujudan terlalu banyak slaid untuk diberi perhatian (Rickett, 2018). Dalam hal ini, Rickett (2018) mengesyorkan akan penggunaan satu hingga dua slaid sahaja untuk 5-7 minit pembentangan atau 10 hingga 24 slaid untuk setiap satu jam pembentangan. Selain itu, fokus kebanyakan kursus formal penggunaan perisian Microsoft PowerPoint adalah pada tatacara penggunaan fitur-fitur asas. Fokus kursus yang bertumpu kepada penggunaan kreatif dan efektif perisian Microsoft PowerPoint masih kurang diteliti, terutama dalam

konteks pembangunan kemahiran reka bentuk pelajar di Malaysia

Pusat Pengajian Citra Universiti (CITRA-UKM) di bawah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menawarkan kursus elektif iaitu PowerPoint Kreatif dalam struktur pendidikan Citra rentas fakulti, sejajar dengan kepentingan kemahiran penggunaan PowerPoint yang baik dalam kalangan pelajar. Penawaran kursus ini berada dalam komponen kedua Pendidikan Citra Rentas iaitu Pemikiran Kreatif dan Reka Cipta. Secara amnya, struktur pendidikan Citra rentas fakulti ini merupakan sistem penawaran kursus rentas bidang yang ditawarkan oleh CITRA-UKM kepada semua pelajar di seluruh UKM. Sistem pendidikan ini memberi kebebasan kepada pelajar untuk memilih serta mengikuti mana-mana kursus di bawah enam komponen Pendidikan Citra Rentas. Para pelajar dari seluruh fakulti di UKM ini perlu memenuhi syarat jam kredit tertentu melalui pengambilan kursus dari setiap komponen untuk membolehkan mereka menamatkan pengajian. Kursus PowerPoint Kreatif secara umumnya bermatlamat untuk membangunkan kemahiran pelajar dalam penggunaan aplikasi Microsoft PowerPoint secara lebih meluas dan kreatif, dan memanfaatkannya dalam penghasilan bahan pembentangan yang lebih menarik, serta memperluas skop kemahiran kepada sesuatu yang berbeza, sejajar dengan fokus pendidikan kini yang ingin menyediakan pelajar dalam konteks celik digital melalui aplikasi dan perisian terkini (Proforma Kursus LMCR1552 PowerPoint Kreatif, 2021).

## OBJEKTIF & PERSOALAN KAJIAN

Sesungguhnya, kewujudan serta penawaran kursus ini merupakan satu gagasan proaktif universiti untuk menyediakan pelajar dengan pakej kemahiran penggunaan aneka program dan aplikasi komputer/digital secara lebih luas, mendalam dan bermanfaat. Oleh itu, satu kajian telah dijalankan untuk melihat kesan positif kursus ini terhadap pembinaan kemahiran dimiliki pelajar dalam aspek yang melibatkan penggunaan fitur-fitur serta reka bentuk, memandangkan tiada kajian keberkesanan yang pernah dijalankan sejak kursus ini ditawarkan pada tahun 2019. Perincian objektif bagi kajian ini adalah untuk:

- i. Melihat perbezaan kemahiran pelajar berkaitan aspek reka bentuk slaid sebelum dan selepas mengikuti kursus PowerPoint;
- ii. Melihat perbezaan kemahiran pelajar berkaitan aspek reka bentuk teks dan fon sebelum dan

selepas mengikuti kursus PowerPoint;

- iii. Melihat perbezaan kemahiran pelajar berkaitan aspek reka bentuk shape dan imej sebelum dan selepas mengikuti kursus PowerPoint.

Berikut pula merupakan persoalan kajian bagi kajian ini:

PK1 : Apakah perbezaan kemahiran yang ditunjukkan pelajar dalam aspek reka bentuk slaid sebelum dan selepas mengikuti kursus Powerpoint Kreatif?

PK2 : Apakah perbezaan kemahiran yang ditunjukkan pelajar dalam aspek reka bentuk teks dan fon sebelum dan selepas mengikuti kursus Powerpoint Kreatif?

PK3 : Apakah perbezaan kemahiran yang ditunjukkan pelajar dalam aspek reka bentuk shape dan imej sebelum dan selepas mengikuti kursus Powerpoint Kreatif?

informasi yang diinginkan secara mudah, segera dan sistematik, kaedah soal-selidik juga memudahkan proses penghasilan data berkenaan kelakuan, tabiat, emosi, perspektif serta pandangan responden (Etikan & Bala, 2017). Hasil daripada maklum balas pelajar berkenaan kemahiran utama yang dikuasai oleh mereka, instrumen kajian dibangunkan dan diadaptasi daripada konstruk serta pemboleh ubah yang dihasilkan. Item terkandung dalam soal-selidik diadaptasi berdasarkan objektif dan persoalan kajian. Kesahan muka dan kesahan kandungan merupakan ujian kesahan yang digunakan untuk menilai kesahan instrument. Hasil ujian kebolehpercayaan menggunakan Alpha Cronbach memperoleh catatan nilai iaitu 0.873 untuk 18 item. Berdasarkan Hair et. al. (2010), nilai Alpha Cronbach adalah seperti berikut:

i.	0.0-0.20	- Kurang boleh dipercayai
ii.	>0.20-0.40	- Sedikit boleh dipercayai
iii.	>0.40-0.60	- Agak boleh dipercayai
iv.	>0.60-0.80	- Boleh dipercayai
v.	>0.80-1.00	- Sangat boleh dipercayai

## METODOLOGI

Kajian kuantitatif yang telah dijalankan ini menggunakan kaedah tinjauan sebagai teknik pengumpulan data. Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar prasiswazah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang datang dari fakulti serta program pengajian yang pelbagai. Bilangan sampel yang diperoleh dalam kajian ini adalah seramai 110 orang pelajar, yang merangkumi pelajar tahun 1 hingga 4, melalui teknik persampelan bertujuan.

Responden kajian ini merupakan pelajar-pelajar prasiswazah UKM yang telah mengikuti kursus elektif LMCR1552 PowerPoint Kreatif yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Citra Universiti (CITRA-UKM) UKM pada Semester I bagi sesi pengajian 2023/2024. Seramai 110 pelajar berdaftar telah mengikuti kursus ini dalam dua kumpulan kelas iaitu set 1 (56 orang pelajar) dan set 2 (54 orang pelajar). Pelajar set 1 dan set 2 ini merupakan kumpulan campuran untuk pelajar tahun 1, 2, 3 dan 4/tahun akhir, namun berlainan hari dan waktu kuliah. Dalam konteks ini, topik pengajaran kursus bagi kedua-dua kumpulan ialah topik yang sama. Dalam konteks kajian ini, semua 110 data responden dianalisis dalam konteks yang sama, dan tiada pengasingan dibuat.

Penggunaan borang soal selidik merupakan kaedah utama dalam proses pungutan data bagi kajian ini. Selain berperanan untuk mendapatkan data serta

Nilai yang dicatatkan iaitu 0.873 menunjukkan bahawa instrumen ini memiliki nilai kebolehpercayaan tinggi.

Proses kajian dimulakan dengan kajian rintis untuk menguji kebolehpercayaan borang soal-selidik. Seramai 28 orang pelajar yang terdiri daripada mereka yang telah mengikuti kursus yang sama pada semester sebelumnya, iaitu semester 1 dan 2 sesi 2023/2023 telah terlibat dalam kajian rintis ini. Setelah analisis kebolehpercayaan memaparkan nilai serta hasil yang disasarkan, barulah proses kajian sebenar akan dijalankan. Setelah taklimat dan penerangan terperinci diberikan kepada semua pelajar terlibat, pengedaran borang soal selidik untuk bahagian 'Selepas mengikuti kursus' kepada pelajar dilakukan secara dalam talian dengan menggunakan perisian Survey Monkey. Edaran instrumen soal-selidik berasaskan web dipilih atas faktor jangkauan kepada responden yang lebih pantas, mudah ditadbir serta struktur yang lebih sistematik. Di samping itu, kemudahan sistem pautan untuk membolehkan capaian pengguna dan pelajar kepada set instrumen merupakan satu kaedah lebih pantas untuk memberikan lebih banyak maklum balas yang diperlukan dalam kajian (King et al., 2018). Selepas sesi pembelajaran melibatkan kemahiran-kemahiran yang difokuskan dalam kajian berlangsung, soal-selidik untuk bahagian 'Selepas mengikuti kursus' diedarkan kepada pelajar melalui kaedah serta perisian yang sama. Sejurus itu, analisis data soal-selidik dilakukan.



RAJAH 1. Proses Kajian

Setelah semua data diperoleh, sesi analisis data dilakukan. Analisis data bagi kajian ini dilakukan secara pengiraan nilai peratusan. Setelah semua hasil peratusan diperoleh, data dalam bentuk nombor peratus bagi setiap item dalam soal-selidik akan dibandingkan antara aspek ‘Sebelum mengikuti kursus’ dan ‘Selepas mengikuti kursus’

Terdapat dua komponen dalam instrumen soal selidik kajian ini iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A (maklumat diri pelajar) memuatkan 5 soalan yang berfokus kepada maklumat asas pelajar serta pendedahan kepada penggunaan perisian

PowerPoint. Bahagian B (aspek kemahiran PowerPoint) pula memiliki 3 bahagian iaitu i-Kemahiran Reka Bentuk Slide, ii-Kemahiran Reka Bentuk Teks dan Fon dan iii-Kemahiran Reka Bentuk Grafik dan Imej. Dalam bahagian B ini, pelajar perlu menilai keupayaan mereka dalam tiga aspek kemahiran tersebut sebelum dan selepas mengikuti kursus LMCR1552 PowerPoint Kreatif. Penggunaan skala Likert lima mata untuk menunjukkan tahap kemahiran pelajar berdasarkan penilaian sendiri mereka untuk pernyataan-pernyataan berkaitan aspek yang dinilai telah digunakan, dengan:

JADUAL 1. Skala Likert 5 Mata

Skala	Keterangan
1	Tidak mahir
2	Kurang mahir
3	Agak Mahir
4	Mahir
5	Sangat Mahir

#### DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini akan membentangkan dan membincangkan dapatan kajian yang berfokus kepada perbandingan tahap kemahiran penggunaan perisian PowerPoint yang dimiliki pelajar sebelum dan selepas mengikuti kursus LMCR1552 PowerPoint Kreatif di Pusat Pengajian Citra Universiti, Universiti Kebangsaan

Malaysia. Berdasarkan dapatan demografi dalam Jadual 2, majoriti responden ialah pelajar perempuan dengan 84.5% (93 orang) daripada jumlah 110 orang manakala hanya 15.5% (17 orang) pelajar lelaki. Kesemua jumlah ini telah berjaya menjawab soal-selidik yang diedarkan. Jumlah ini mewakili nilai sebenar pelajar bagi kedua-dua kelompok jantina yang telah mengikuti kursus PowerPoint Kreatif ketika kajian dijalankan, tanpa ada

JADUAL 2. Dapatan Demografi Peserta Kajian

Profil	Keterangan	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	17	15.5
	Perempuan	93	84.5
Umur	Bawah 20 tahun	16	14.5
	21-22 tahun	62	56.3
	22 – 23 tahun	26	23.6
	23-24 tahun	5	4.5
	25 tahun ke atas	1	0.9
	Fakulti Ekonomi & Pengurusan	12	10.9
Fakulti	Fakulti Pengajian Islam	18	16.3
	Fakulti Sains Sosial Kemanusiaan	23	20.9
	Kampus KL (FGG, FFAR, FSK, FPER)	0	0
	Fakulti Pendidikan	5	4.5
	Fakulti Undang-Undang	8	7.2
	Fakulti Kejuruteraan	1	0.9
	Pusat Pengajian Citra	9	8.1
	Fakulti Teknologi & Sains Maklumat	5	4.5
	Fakulti Sains Teknologi	29	26.3
	10 tahun ke atas	22	20.0
Tempoh	8-9 tahun	22	20.0
	6-7 tahun	22	20.0
Menggunakan PowerPoint	4-5 tahun	20	18.1
	2-3 tahun	18	16.3
PowerPoint	Kurang dari 1 tahun	5	4.5
	Tidak pernah	1	0.9
Jumlah		110	100%

pengurangan atau penambahan responden dari luar. Taburan data untuk kumpulan umur menunjukkan bahawa sebanyak 56.3% (62 orang) daripada responden berada dalam kumpulan umur 21 hingga 22 tahun, manakala hanya 5.4% (6 orang) sahaja untuk kumpulan umur 23-25 tahun. Jadual tersebut juga menunjukkan bahawa sejumlah 110 orang responden kajian merupakan pelajar dari sembilan fakulti berbeza di seluruh UKM. Fakulti Sains dan Teknologi mencatatkan nilai terbesar dengan 26.3% (29 orang), diikuti oleh Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan dengan 20.9% (23 orang) dan Fakulti Pengajian Islam dengan 16.3% (18 orang). Nilai terendah dicatatkan oleh Fakulti Kejuruteraan dengan hanya seorang wakil, manakala tiada wakil dari fakulti di kawasan kampus Kuala Lumpur dan Cheras. Untuk maklumat berkenaan tempoh masa sejak pertama kali menggunakan perisian PowerPoint, majoriti responden memperlihatkan catatan tempoh masa antara 6 hingga 10 tahun dengan 60% (66 orang). Namun, terdapat juga dalam kalangan responden yang memiliki tempoh kurang setahun sejak pertama kali menggunakan perisian tersebut (5 orang) dan yang tidak pernah menggunakannya sebelum mengikuti kursus PowerPoint (1 orang). Persoalan kajian berikut menjadi gagasan utama kepada analisis

statistik (berbentuk deskriptif) yang telah dilakukan ke atas data hasil soal-selidik:

Sejauh manakah perbezaan kemahiran yang ditunjukkan pelajar dalam aspek reka bentuk slaid sebelum dan selepas mengikuti kursus Powerpoint Kreatif?

Berdasarkan Jadual 3(a), aspek 'sebelum mengikuti kursus' untuk kesemua lima item pernyataan (P1-P5) merekodkan jawapan responden dalam kelima-lima skala iaitu dari Sangat Mahir hingga Tidak Mahir. Peratusan terbesar untuk skala Tidak Mahir dalam aspek 'sebelum mengikuti kursus' dicatatkan oleh item P-4 iaitu 'Mereka bentuk dan menghasilkan latar slaid saya sendiri' dengan 14.5% (16 orang), disusuli oleh item P-3 iaitu 'Pengubahsuaian saiz, orientasi dan gaya slaid berdasarkan kreativiti saya' dengan 11.8% (13 orang). Aspek yang sama juga merekodkan nilai yang tinggi pada skala Kurang mahir bagi semua item dari P-1 hingga P-5 dengan item P-4 mencatatkan nilai tertinggi iaitu 36.3% (40 orang). Nilai tertinggi bagi skala agak mahir pula direkodkan oleh item P-2 'Penyesuaian warna dan jenis fon yang bersesuaian dengan gaya dan tema slaid' dengan nilai 36.3% (40 orang).

JADUAL 3(a). Kemahiran Pelajar dalam Reka Bentuk Slaid

Item	Pernyataan		Sangat Mahir	Mahir	Agak Mahir	Kurang Mahir	Tidak Mahir
Saya berupaya untuk:							
P-1	Reka bentuk tetapan skim dan warna (colour and scheme) pada slaid.	Sebelum	8 7.2%	27 24.5%	32 29.0%	36 32.7%	7 6.3%
		Selepas	59 53.6%	45 40.9%	6 5.4%	0 0	0 0
P-2	Penyesuaian warna dan jenis fon yang bersesuaian dengan gaya dan tema slaid.	Sebelum	6 5.4%	30 27.2%	40 36.3%	29 26.3%	5 4.5%
		Selepas	68 61.8%	38 34.5%	4 3.6%	0 0	0 0
P-3	Pengubahsuaian saiz, orientasi dan gaya slaid berdasarkan kreativiti saya.	Sebelum	6 5.4%	22 20%	38 34.5%	31 28.1%	13 11.8%
		Selepas	75 68.1%	34 30.9%	1 0.9%	0 0	0 0
P-4	Mereka bentuk dan menghasilkan latar slaid saya sendiri.	Sebelum	8 7.27%	19 17.2%	27 24.5%	40 36.3%	16 14.5%
		Selepas	65 59.0%	36 32.7%	9 8.1%	0 0	0 0
P-5	Menyesuaikan gambar/ imej/grafik dari sumber luar ke dalam reka bentuk slaid, tanpa menggunakan template/ designer.	Sebelum	10 9.0%	26 23.6%	30 27.2%	34 30.9%	10 9.0%
		Selepas	75 68.1%	31 28.1%	4 3.6%	0 0	0 0

Aspek 'selepas mengikuti kursus' pula mencatatkan nilai pada tiga skala pertama sahaja iaitu Sangat mahir, Mahir dan Agak mahir bagi kesemua lima item, dengan Agak mahir merekodkan peratusan paling rendah antara ketiga-tiga skala bagi kesemua item. Peratusan terbesar bagi Sangat mahir dicatatkan oleh item P-3 (Pengubahsuaian saiz, orientasi dan gaya slaid berdasarkan kreativiti saya) dan P-5 (Menyesuaikan gambar/imej/grafik dari sumber luar ke dalam reka bentuk slaid, tanpa menggunakan template/designer) dengan nilai yang sama, iaitu 68.1% (75 orang). Skala Mahir pula mencatatkan nilai tertinggi bagi item P-1 (Reka bentuk tetapan skim dan warna pada slaid) dengan 40.9% (45 orang).

#### Kemahiran Reka Bentuk Teks dan Fon sebelum dan selepas Mengikuti Kursus

Persoalan kajian berikut menjadi gagasan utama kepada analisis statistik (berbentuk deskriptif) yang telah dilakukan ke atas data hasil soal-selidik:

PK2 : Sejauh manakah perbezaan kemahiran yang

ditunjukkan pelajar dalam aspek reka bentuk teks dan fon sebelum dan selepas mengikuti kursus Powerpoint Kreatif?

Berdasarkan Jadual 3(b), aspek 'sebelum mengikuti kursus' untuk kesemua enam item pernyataan (P1-P6) merekodkan jawapan responden dalam kelima-lima skala iaitu dari Sangat Mahir hingga Tidak Mahir. Peratusan terbesar untuk skala Tidak Mahir dalam aspek 'sebelum mengikuti kursus' dicatatkan oleh item P-1 (mereka bentuk teks dan tulisan menggunakan word art) dan P-6 (Mereka bentuk pelbagai susunan teks supaya lebih menarik) dengan nilai yang sama, iaitu 13.6% (15 orang), disusuli oleh item P-3 iaitu 'menambah kesan kepada teks (shadow, glow, outline dll) agar lebih menarik'. dengan 12.7% (14 orang). Aspek yang sama juga merekodkan nilai yang tinggi pada skala Kurang mahir bagi semua item dari P-1 hingga P-5 dengan item P-6 mencatatkan nilai tertinggi iaitu 33.6% (37 orang). Nilai tertinggi bagi skala agak mahir pula direkodkan oleh item P-3 dengan nilai 37.2% (41 orang).

Aspek 'selepas mengikuti kursus' pula mencatatkan nilai pada tiga skala pertama sahaja iaitu

JADUAL 3(b). Kemahiran Pelajar dalam Reka Bentuk Teks dan Fon

Item	Kenyataan		Sangat Mahir	Mahir	Agak Mahir	Kurang Mahir	Tidak Mahir
Saya berupaya:							
P-1	mereka bentuk teks dan tulisan menggunakan word art	Sebelum	10 9.0%	30 27.2%	36 32.7%	19 17.2%	15 13.6%
		Selepas	76 69.0%	31 28.1%	3 2.7%	0 0	0 0
P-2	mengubah warna, saiz dan rupa tulisan dalam slaid	Sebelum	14 12.7%	30 27.2%	40 36.3%	19 17.2%	7 6.3%
		Selepas	78 70.9%	32 29.0%	0 0	0 0	0 0
P-3	menambah kesan kepada teks (shadow, glow, outline dll) agar lebih menarik	Sebelum	7 6.3%	20 18.1%	41 37.2%	28 25.4%	14 12.7%
		Selepas	77 70%	30 27.2%	3 2.7%	0 0	0 0
P-4	memasang/install fon baharu yang tiada dalam sistem sedia ada	Sebelum	10 9.0%	22 20%	33 30%	35 31.8%	10 9.0%
		Selepas	81 73.6%	29 26.3%	0 0	0 0	0 0
P-5	memilih fon teks yang sesuai dengan tujuan slaid/bahan	Sebelum	9 8.1%	22 20%	33 30%	36 32.7%	10 9.0%
		Selepas	72 65.4%	34 30.9%	4 3.6%	0 0	0 0
P-6	Mereka bentuk pelbagai susunan teks supaya lebih menarik	Sebelum	7 6.3%	20 18.1%	31 28.1%	37 33.6%	15 13.6%
		Selepas	72 65.4%	31 28.1%	7 6.3%	0 0	0 0

Sangat mahir, Mahir dan Agak mahir bagi item P-1, P-3, P-5 dan P-6, dengan Agak mahir merekodkan peratusan paling rendah antara ketiga-tiga skala bagi keempat-empat item tersebut. Item P-2 dan P-4 pula hanya mencatatkan peratusan pada skala Sangat Mahir dan Mahir sahaja. Peratusan terbesar bagi Sangat mahir dicatatkan oleh item P-4 iaitu 'memasang/install fon baharu yang tiada dalam sistem sedia ada' dengan nilai 73.6% (81 orang), diikuti oleh P-2 iaitu 'mengubah warna, saiz dan rupa tulisan dalam slaid' dengan 70.9% (78 orang). Skala Mahir pula mencatatkan nilai tertinggi bagi item P-5 (memilih fon teks yang sesuai dengan tujuan slaid/bahan) dengan 30.9% (34 orang).

Kemahiran Reka Bentuk Shape dan Imej sebelum dan selepas Mengikuti Kursus Powerpoint

Persoalan kajian berikut menjadi gagasan utama kepada analisis statistik (berbentuk deskriptif) yang telah dilakukan ke atas data hasil soal-selidik:

PK3 : Sejauh manakah perbezaan kemahiran yang ditunjukkan pelajar dalam aspek reka bentuk bentuk dan imej sebelum dan selepas mengikuti kursus Powerpoint Kreatif?

Berdasarkan Jadual 3(c), aspek 'sebelum mengikuti kursus' untuk kesemua tujuh item pernyataan (P1-P7) merekodkan jawapan responden dalam kelima-lima skala iaitu dari Sangat Mahir hingga Tidak Mahir. Peratusan terbesar untuk skala Tidak Mahir dalam aspek 'sebelum mengikuti kursus' dicatatkan oleh item P-7 iaitu 'Menghasilkan reka bentuk grafik mudah melalui penggunaan bentuk dan imej' dengan 19.0% (21 orang), disusuli oleh item P-2 iaitu 'Menggunakan

JADUAL 3(c). Kemahiran Pelajar dalam Reka Bentuk Shape dan Imej

Item	Kenyataan		Sangat Mahir	Mahir	Agak Mahir	Kurang Mahir	Tidak Mahir
Saya berkeupayaan							
P1	Memasukkan pelbagai jenis bentuk (shape) ke dalam slaid melalui pelbagai cara	Sebelum	11 10.0%	29 26.3%	44 40.0%	20 18.1%	6 5.4%
		Selepas	79 71.8%	31 28.1%	0 0	0 0	0 0
P2	Menggunakan bentuk secara luas dan kreatif untuk pelbagai fungsi	Sebelum	6 5.4%	18 16.3%	31 28.1%	38 34.5%	17 15.4%
		Selepas	77 70.0%	37 33.6%	1 0.9%	0 0	0 0
P3	Menggunakan fungsi 'merge shapes' untuk pelbagai fungsi dan tujuan	Sebelum	7 6.3%	22 20.0%	27 24.5%	40 36.3%	14 12.7%
		Selepas	73 66.3%	34 30.9%	3 2.7%	0 0	0 0
P4	Memasukkan kesan khas kepada bentuk	Sebelum	2 1.8%	18 16.3%	36 32.7%	38 34.5%	16 14.5%
		Selepas	71 64.5%	34 30.9%	5 4.5%	0 0	0 0
P5	Menyesuaikan imej/grafik dari sumber luar dengan tema slaid yang menarik	Sebelum	11 10.0%	20 18.1%	33 30.0%	36 32.7%	10 9.0%
		Selepas	82 74.5%	28 25.4%	0 0	0 0	0 0
P6	Menggunakan 'Icons' dan '3D Models' secara kreatif dan pelbagai	Sebelum	5 4.5%	20 18.1%	36 32.7%	39 35.4%	10 9.0%
		Selepas	76 69.0%	30 27.2%	4 3.6%	0 0	0 0
P7	Menghasilkan reka bentuk grafik mudah melalui penggunaan bentuk dan imej	Sebelum	2 1.8%	21 19.0%	29 26.3%	37 33.6%	21 19.0%
		Selepas	73 66.3%	35 31.8%	2 1.8%	0 0	0 0

bentuk secara luas dan kreatif untuk pelbagai fungsi'. dengan 15.4% (17 orang). Aspek yang sama juga merekodkan nilai yang tinggi pada skala Kurang mahir bagi semua item dari P-1 hingga P-5 dengan item P-3 (Menggunakan fungsi 'merge shapes' untuk pelbagai fungsi dan tujuan) mencatatkan nilai tertinggi iaitu 36.3% (40 orang). Nilai tertinggi bagi skala agak mahir pula direkodkan oleh item P-1 iaitu 'Memasukkan pelbagai jenis bentuk (shape) ke dalam slaid melalui pelbagai cara' dengan nilai 40.0% (44 orang).

Aspek 'selepas mengikuti kursus' pula mencatatkan nilai pada tiga skala pertama sahaja iaitu

Sangat mahir, Mahir dan Agak mahir bagi kesemua item, kecuali P-1 dan P-5, dengan Agak mahir merekodkan peratusan paling rendah antara ketiga-tiga skala bagi kesemua item. Item P-1 dan P-5 hanya merekodkan data untuk skala Sangat Mahir dan Mahir sahaja. Peratusan terbesar bagi Sangat mahir dicatatkan oleh item P-5 (Menyesuaikan imej/grafik dari sumber luar dengan tema slaid yang menarik) dengan 74.5% (82 orang), diikuti oleh P1 dengan 71.8% (79 orang). Skala Mahir pula mencatatkan nilai tertinggi bagi item P-2 dengan 33.6% (37 orang).



## PERBINCANGAN

Merujuk kepada Jadual 3(a) yang memuatkan hasil analisis bagi objektif 1 iaitu kemahiran reka bentuk slaid sebelum dan selepas mengikuti kursus Powerpoint, pernyataan pada bahagian ‘selepas mengikuti kursus’ yang melibatkan pengubahsuaian saiz dan orientasi slaid (item P-3) serta penyesuaian imej sumber luar ke dalam reka bentuk slaid (item P-5) ialah dua bentuk kemahiran yang dipilih oleh 68.1% responden sebagai sangat mahir, sementara reka letak fon dan warna fon dalam reka bentuk slaid (item P-2) serta reka bentuk latar slaid secara sendiri (item P-4) dipilih oleh lebih 59% responden sebagai Sangat Mahir. Jika diteliti daripada perspektif kesukaran kemahiran, pengubahsuaian saiz dan orientasi slaid serta penyesuaian imej luar ke dalam slaid merupakan dua bentuk kemahiran dalam reka bentuk slaid yang penting untuk dikuasai pelajar. Hal ini disebabkan dua jenis kemahiran ini dipandu oleh langkah-langkah yang mudah difahami dan diikuti. Penyesuaian fon teks dengan slaid, reka bentuk latar slaid serta pemilihan skema warna pada slaid ialah tahap kemahiran lanjutan yang menuntut penggabungan antara langkah demi langkah serta kreativiti pelajar untuk menjadikannya berjaya serta mencapai sasaran yang diinginkan.

Berdasarkan Jadual 3(b) yang memuatkan hasil analisis bagi objektif 2 iaitu reka bentuk teks dan fon sebelum dan selepas mengikuti kursus yang sama, pernyataan-pernyataan pada bahagian ‘selepas mengikuti kursus’ iaitu mereka bentuk teks melalui Word Art (item P-1), mengubah warna, saiz dan rupa teks dalam slaid (item P-2), memasukkan kesan khas (shadow, glow, outline dll) kepada teks (item P-3), serta menambah fon baharu ke perisian yang digunakan (item P-4) merupakan variasi kemahiran yang dipilih oleh 69%-73% pelajar sebagai Sangat Mahir, sementara kemahiran pemilihan jenis dan gaya fon teks yang sesuai (item P-5) serta mereka bentuk susunan teks (item P-6) pula menjadi pilihan 65.4% pelajar, juga sebagai Sangat Mahir. Empat jenis kemahiran yang merekodkan nilai Sangat Mahir yang lebih tinggi (P-1 hingga P-4) berbanding dua kemahiran lain ialah bentuk kemahiran yang diperkenalkan kepada pelajar dengan panduan yang mudah difahami serta contoh menarik. Tahap bagi empat kemahiran ini juga mudah diikuti. Dalam konteks ini, melalui pengetahuan sedia ada tentang tab, menu serta fitur dalam PowerPoint, pelajar berupaya mengikut garis panduan yang dibekalkan pensyarah. Aspek pemilihan jenis dan gaya fon serta reka letak teks pula merupakan dua bentuk kemahiran lanjutan yang memerlukan kreativiti, pengetahuan serta pengalaman pelajar, di samping penelitian terhadap

contoh-contoh luas untuk mereka mencipta konsep dan hasil yang baik. Panduan dan tips daripada pensyarah merupakan antara elemen penting demi membentuk pelajar berkemahiran dan cekap dalam dua aspek yang dinyatakan.

Berdasarkan Jadual 3(c) yang memuatkan hasil analisis bagi objektif 3 iaitu reka bentuk shape dan imej sebelum dan selepas mengikuti kursus Powerpoint Kreatif pula, pernyataan-pernyataan pada bahagian ‘selepas mengikuti kursus’ iaitu memasukkan bentuk (shape) ke dalam slaid (item P-1), penggunaan fitur bentuk secara luas dan kreatif (item P-2) serta penyesuaian imej/grafik dari luar dengan reka bentuk slaid (item P-5) merupakan bentuk-bentuk kemahiran yang dipilih oleh 70-74% pelajar sebagai Sangat Mahir, sementara kemahiran menggunakan fungsi ‘merge shapes’ untuk pelbagai fungsi dan tujuan (item P-3) serta menghasilkan reka bentuk grafik mudah melalui gabungan bentuk dan imej (item P-7) merekodkan nilai terendah yang sama bagi skala Sangat Mahir iaitu 66.3% responden sahaja. Berdasarkan perspektif pengajaran di kelas, tiga jenis kemahiran dengan peratusan tertinggi pada skala Sangat Mahir itu merupakan kemahiran yang berada pada peringkat asas. Dalam pembelajaran topik berkaitan bentuk, imej dan grafik dalam kursus, unsur-unsur yang terkandung dalam fitur bentuk seperti ubah suai saiz, warna, garis tepi dan kesan khas diperkenalkan secara jelas dan tersusun. Kemahiran pengubahsuaian bentuk kepada reka letak yang lebih kreatif di samping gabungan imej/grafik untuk reka bentuk grafik pula merupakan aspek kemahiran pada tahap lanjutan. Kemahiran lanjutan ini menuntut penggabungan antara kemahiran asas, kreativiti pelajar serta penelitian terhadap contoh-contoh luar yang pelbagai. Kemahiran ubah suai bentuk sebagai contoh, mencabar keupayaan dan kreativiti pelajar dalam menggunakan bentuk sedia ada secara lebih bervariasi dan menarik. Dalam hal ini, kewujudan fitur Edit Shape dan Merge Shape merupakan elemen tambahan yang perlu dimanfaatkan pelajar untuk penghasilan hasil grafik yang menakjubkan.

Hasil analisis untuk kesemua jenis kemahiran reka bentuk yang telah dibincangkan mendapati wujudnya beberapa hasil gagasan penting. Pertama, pemilihan skala ‘Sangat Mahir’ dengan nilai tertinggi pada bahagian ‘Selepas mengikuti kursus’ berlaku pada bentuk kemahiran yang tergolong dalam kelompok kemahiran jenis asas dan mudah. Kedua, kemahiran yang berbentuk lanjutan, kemahiran yang memerlukan lebih penelitian serta pengamalan, serta kemahiran yang merupakan gabungan bersama aspek kreativiti dan idea baharu merekodkan nilai peratusan yang lebih rendah. Namun begitu, perbezaan peratusan yang dicatatkan

antara dua kelompok kemahiran ini hanyalah kecil. Hal ini membuktikan bahawa pengalaman mengikuti kursus PowerPoint telah memberikan impak yang besar terhadap penilaian sendiri pelajar untuk kemahiran yang mereka miliki. Perbezaan nilai yang sangat ketara ditunjukkan bagi skala Sangat mahir antara sebelum dan selepas mengikuti kursus bagi kesemua cabang kemahiran yang dikaji telah memperlihatkan kursus ini sebagai bernilai tinggi serta mencabar ilmu, keupayaan serta ketajaman kemahiran pelajar dalam aspek berkaitan penggunaan perisian Microsoft PowerPoint. Hal ini sejajar dengan hasil pembelajaran kursus yang menyasarkan agar pelajar berupaya membangunkan kemahiran dalam penggunaan Microsoft PowerPoint secara lebih luas dan mendalam (Proforma Kursus LMCR1552 PowerPoint Kreatif, 2021).

### KESIMPULAN

Selaku sebuah kursus yang dibangunkan dengan paksi literasi digital serta penggunaan aplikasi komputer, kursus PowerPoint ini dirangka serta dibangunkan untuk mempersiapkan pelajar dengan ilmu kemahiran yang signifikan dalam hal-ehwal berkaitan penggunaan program Microsoft PowerPoint secara menyeluruh, baik pengetahuan secara teori mahupun pengamalan secara amali. Bergerak secara serampang dua mata, keterlibatan elemen kreativiti, berfikir di luar kotak, pembelajaran melalui pengalaman dan pemerhatian juga menjadi tunjang yang mendasari kemahiran pelajar yang baik. Atas gagasan yang sama, strategi pengajaran dan pembelajaran kursus berorientasikan kemahiran seharusnya tidak terikat kepada kaedah tradisional, iaitu penggunaan buku, soalan, ujian mahupun nota semata. Sebaliknya, selain peranan besar yang dimainkan pengajar, inisiatif pelajar secara sendiri melalui pengalaman kemahiran yang dipelajari secara praktikal seharusnya seiring agar elemen tambahan seperti kreativiti, inovasi, idea baharu dan berfikir di luar kotak dapat ditambah, di samping memantapkan penguasaan kemahiran melalui perbuatan. Oleh yang demikian, pelajar perlu bersikap lebih telus, bersedia dan terbuka dalam menyiapkan diri mereka menongkah aliran arus pendidikan akan datang, sejajar dengan pergerakan dunia kepada teknologi IR4.0. Di samping itu, infrastruktur serta fasiliti pendidikan yang berorientasikan literasi digital di seluruh Malaysia seharusnya menampakkan kemajuan. Dalam konteks ini, penggunaan aplikasi serta perisian komputer yang bermanfaat, terkini serta terkehadapan dalam membantu pelajar menjarang kemahiran abad ke-21, di samping menyiapkan diri mereka untuk menempuh

cabaran sebagai tenaga kerja masa hadapan.

### KAJIAN AKAN DATANG

Berdasarkan dapatan yang diperoleh, kajian secara kritikal dalam bentuk kuasi-ekperimen berpotensi dijalankan untuk melihat perbezaan kemahiran-kemahiran dalam penggunaan perisian Microsoft PowerPoint terhadap pelajar secara tuntas dan kritikal, memandangkan kajian yang telah dijalankan hanya menjurus kepada bentuk tinjauan dan berasaskan kepada perspektif pelajar tentang kemahiran sendiri. Selain itu, kajian korelasi yang melihat kesan langsung kemahiran kreativiti dan kritikal pelajar dalam kursus ini untuk diaplikasi dalam konteks kursus atau subjek lain, mahupun kaedah penyelesaian masalah harian pelajar dapat dilakukan.

### RUJUKAN

- Etikan, I., & Bala, K. 2017. Developing questionnaire base on selection and designing. *Biometrics & Biostatistics International Journal*, 5(6), 1–3.
- Hair, J.F., Black, W.C., Babin, B.J., & Anderson, R.E. 2010. *Multivariate Data Analysis*. Seventh Edition. Prentice Hall, Upper Saddle River, New Jersey.
- Haq, H., Purwantono, Irzal, & Rahim, B. 2022. Pengaruh penggunaan media pembelajaran berbasis PowerPoint dengan video dan animasi terhadap hasil belajar pada mata kuliah fabrikasi. *Jurnal Vokasi Mekanika (VoMek)*, 4(1), 89–93.
- Iga Raspati, M., & Maria Zulfiati, H. 2020. Pengembangan multimedia interaktif menggunakan PowerPoint dalam pembelajaran tematik. *Tunas: Jurnal Pendidikan Guru Sekolah Dasar*, 5(2), 46–59
- King, N., Horrocks, C. & Brooks, J. 2018. *Interviews in Qualitative Research 2nd Edition*. Sage Publishing.
- León, S. P., & Martínez, I. G.. 2021. Impact of the provision of PowerPoint slides on learning. *Computers & Education*, 173, 104283
- Milani, M. 2023. Academic teaching: Are we still dying by Powerpoint? Dlm. *Edulearn23 Proceedings* 5301–5305.
- Mohammed Abdulla & Sullivan, E.O. 2019. The Impact of Supplementing PowerPoint with Detailed Notes and Explanatory Videos on Student Attendance and Performance in a Physiology Module in Medicine, *Med Sci Education*, 29(4): 959–968.
- Paradi, D. 2018. Are we wasting \$250 million per day

- due to bad PowerPoint? Retrieved from <https://www.thinkoutsidetheslide.com/are-wewasting-250-million-per-day-due-to-badpowerpoint>.
- Pollard, T. 2016. *The Compelling Communicator; Mastering the Art and Science of Exceptional Presentation Design*. Condor House Press.
- Proforma Kursus. 2021. Dlm Amirul Mukminin Mohamad (Pnyt.), LMCR1552: PowerPoint Kreatif (pp.1). Pusat Pengajian Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ricketts, M. 2018. No more bullet points: Research based tips for better presentations. *Professional Safety*, 34-436.
- Setiawan, Selvyana., *Hidayat*, & *Rahmadani*. 2022. Powerpoint interaktif materi interaksi manusia dengan lingkungannya kelas sekolah dasar. *Jurnal Basicedu*, 6(1), 1201–1209.
- Tangkas Arya, Ketut *Gading* & *Wira Bayu*. 2022 *Interactive Powerpoint Learning Media on Science Content for Fifth Grade Elementary School*. *Journal for Lesson and Learning Studies* 5(2), 190-198.

Amirul Mukminin Mohamad\*  
 Pusat Pengajian Citra Universiti,  
 Universiti Kebangsaan Malaysia,  
 43600 Bangi Selangor, Malaysia.

\*Pengarang untuk surat-menyurat: [mieroll@ukm.edu.my](mailto:mieroll@ukm.edu.my)